



**SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR** berkenan meletakkan replika mahkota di atas jata Negeri Johor di dasar laut berdekatan Pulau Mensirip, Mersing sebagai simbolik merasmikan Taman Dasar Laut Sultan Iskandar semalam. - BERNAMA

## Sultan Johor rasmi Taman Dasar Laut Sultan Iskandar

**MERSING** 28 April - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berkenan merasmikan Taman Dasar Laut Sultan Iskandar sempena Jelajah Pulau 2015, di sini hari ini.

Baginda tiba di lokasi perasmian, iaitu berhampiran Pulau Mensirip pada pukul 8 pagi setelah bertolak dari Pulau Rawa yang menjadi destinasi hingga baginda dan rombongan tetamu kenamaan.

Pada majlis berkenaan, baginda

turut menyelam sedalam kira-kira lapan meter dan meletakkan replika mahkota di atas tukun Jata Negeri Johor yang berada di dasar laut sebagai simbolik perasmian.

Sultan Johor dan Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman Sultan Ibrahim ditemani penyelam profesional mula menyelam ke dasar laut pada pukul 8.05 pagi.

Kira-kira 20 minit kemudian, Sultan Ibrahim selesai menyempurna-

kan peletakan replika mahkota di atas Jata Negeri Johor sekali gus merasmikan taman dasar laut berkenaan.

Lebih menarik, kemampuan dan kepakaran Sultan Ibrahim menyelam ke dasar laut turut disaksikan secara langsung oleh para tetamu kenamaan yang hadir menerusi skrin layar gergasi.

Antara tetamu kenamaan yang hadir termasuk Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Undan-

gan Negeri (ADUN), pegawai-pega wai daerah dan ketua-ketua jabatan.

Sultan Ibrahim kemudiannya kembali ke Pulau Rawa untuk persiapan bagi acara di Pulau Besar, iaitu merasmikan Jeti Pelancongan Pulau Besar dan seterusnya menyampaikan sumbangan boyo penambat daripada Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ) dan bantuan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJN) kepada penduduk.